

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

8. Terdapat permintaan yang tinggi untuk Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan DUN Batu Uban dan perumahan Majlis Bandaraya Pulau Pinang di Sungai Nibong tidak dapat menampung permintaan baru. Adakah kerajaan berhasrat untuk membina perumahan PPR baru atau skim sewa beli akan diperkenalkan di Batu Uban?.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri sememangnya sedar skim sewa-beli merupakan salah satu alternatif yang terbaik untuk membantu pembeli yang menghadapi masalah untuk mematuhi syarat permohonan pinjaman yang ditetapkan oleh bank komersil. Atas alasan ini, Kerajaan Negeri dalam pelbagai platform perbincangan bersama pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sangat mengesyorkan supaya Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Pulau Pinang ditawarkan secara sewa-beli kepada pemohon.

Buat masa ini, tiada sebarang cadangan sama ada di peringkat Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan projek PPR baru di KADUN Batu Uban. Meskipun begitu, warga Batu Uban tetap berpeluang untuk mendaftarkan permohonan untuk mendapatkan Rumah Mampu Milik (RMM) pelbagai kategori yang sedang dan akan dibangunkan di dalam Daerah Timur Laut

